

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

TARIKH : 21.3.2017

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru sementara di Sarawak dan bilangan guru dari Semenanjung yang ditempatkan di Sarawak serta apakah rancangan Kementerian untuk membantu guru sementara yang diberhentikan kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Disember 2016, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat pengisian seramai 664 guru interim bagi memenuhi kekosongan jawatan di sekolah menengah Negeri Sarawak. Pengisian guru interim ini adalah terdiri daripada graduan pendidikan *open market* yang berasal dari negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 387 guru interim telah diperaku lantikan tetap setelah lulus temu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran manakala 213 calon gagal temu duga dan baki 64 calon tidak diperaku atau tidak hadir temu duga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM melaksanakan penempatan guru baharu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan gred DG41 bagi sekolah menengah dan sekolah rendah sebanyak tiga (3)

kali bermula Januari hingga Mac 2017. Dalam tempoh tersebut, hanya seorang guru dari semenanjung ditempatkan di Sarawak kerana mengikut pasangan berkhidmat di negeri Sarawak.

RJM59

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN
EBIN [RANAU]**

TARIKH : 21.3.2017 (SELASA)

SOALAN : 15

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan:-

- (a) apakah tindakan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang yang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah bekalan air bersih di daerah Ranau, terutama sekali ketika musim hujan, di mana sumber bekalan air dicemari oleh banjir lumpur; dan
- (b) bilakah ianya dilaksanakan dan jumlah dana yang diperuntukkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) telah mempunyai *Standard Operating Procedure (SOP)* tersendiri jika berlakunya sebarang bencana yang menjejaskan sumber bekalan air bersih. Ianya bergantung pada tahap bencana tersebut. Tindakan jangka pendek atau panjang tertakluk pada tahap keseriusan situasi (*severity level of situation*).

Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) juga telah mengenalpasti kaedah yang bersesuaian untuk mengatasi masalah dan membekalkan akses bekalan air bersih kepada penduduk di daerah Ranau di mana sistem pengoperasian dan penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab PBAN.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sejumlah RM35 juta telah diperuntukkan untuk pelaksanaan satu projek BALB di daerah Ranau, iaitu Projek Bekalan Air Mukim Bundu Tuhan, Ranau, Sabah pada tahun ini. Projek ini dijangka akan ditender pada bulan Mei 2017.